

**TERMA DAN SYARAT**  
**"CIMB Jom Labur 2025 Campaign"**

1. **"CIMB Jom Labur 2025 Campaign"** ("**Kempen**") ini adalah anjuran bersama CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran:197201001799 (13491-P)] dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran : 200401032872 (671380-H)] (dirujuk secara kolektif sebagai "**CIMB**")

**Tempoh Kempen**

2. Tempoh Kempen ini berlangsung mulai **15 Ogos 2025 sehingga 30 November 2025**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB mengekalkan haknya untuk mengubah jangka masa Tempoh Kempen dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Kempen dengan memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari calendar.

**Kelayakan**

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bumiputera CIMB sedia ada dan baharu yang memenuhi syarat-syarat berikut (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**"): -
  - a. individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas;
  - b. pelanggan dengan nombor telefon bimbit berdaftar dan alamat e-mel yang sah dengan CIMB;
  - c. pelanggan dengan akaun berdaftar dan aktif dalam CIMB Clicks; dan aplikasi mudah alih CIMB OCTO; dan
  - d. pelanggan adalah pemegang unit Amanah Saham Bumiputera ("**ASB**") atau Amanah Saham Bumiputera 2 ("**ASB 2**") dan mempunyai akaun ASB atau ASB 2 yang berdaftar dengan Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200) (47457-V)) ("**ASNB**") ("**Akaun Penyertaan**").
5. Orang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a. kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja Kumpulan Syarikat CIMB dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa, saudara lelaki dan perempuan); atau
  - b. wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, vendor dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk anak syarikat CIMB dan syarikat berkaitan) dan kakitangan atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak mereka dan ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa, saudara lelaki dan perempuan) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut.

Bagi tujuan Kempen ini, "Kumpulan Syarikat CIMB" bermaksud kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk utama CIMB mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak syarikatnya.

**Mekanisme Kempen**

6. Untuk berpeluang memenangi hadiah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 9 di bawah, Pelanggan yang Layak perlu melakukan transaksi di bawah ("**Transaksi yang Layak**") dengan Akaun Penyertaan mereka semasa Tempoh Kempen:

| Kategori Hadiah                                                                                  | Transaksi yang Layak                                                                                                                                                                                          | Catatan                                                                                                                                                                        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b><u>Hadiah Istimewa</u></b><br>Pin Tambah Nilai Touch n Go bernilai RM10 untuk 10,000 pemenang | Melabur sekurang-kurangnya RM200 dalam ASB atau ASB 2 semasa Tempoh Kempen dalam satu transaksi, atau berbilang transaksi melalui MyWealth dalam CIMB Clicks (versi web) atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO   | Hadiah Pin Tambah Nilai Touch n Go RM10 hanya akan diberikan kepada <b>10,000 Pelanggan yang Layak pertama</b> yang memenuhi kriteria untuk kategori ini semasa Tempoh Kempen. |
| <b><u>Hadiah Utama</u></b><br>Pin Tambah Nilai Touch n Go bernilai RM1,000 untuk 5 pemenang      | Melabur sekurang-kurangnya RM2,000 dalam ASB atau ASB 2 semasa Tempoh Kempen dalam satu transaksi, atau berbilang transaksi melalui MyWealth dalam CIMB Clicks (versi web) atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO | Hadiah Pin Tambah Nilai Touch n Go RM1,000 hanya akan diberikan kepada 5 Pelanggan yang Layak terpilih yang memenuhi kriteria untuk kategori ini semasa Tempoh Kempen.         |

Mekanik Kempen di atas hanya terpakai untuk dana ASB dan ASB 2 yang dilaburkan melalui MyWealth dalam CIMB Clicks (versi web) atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO semasa Tempoh Kempen. Lain-lain dana ASNB yang disenaraikan dan tersedia dalam CIMB Clicks (versi web) atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO tidak akan terpakai di bawah Kempen ini.

7. Pengesanan Transaksi yang Layak yang dilakukan oleh Pelanggan yang Layak hendaklah berdasarkan tarikh dan masa transaksi dalam Waktu Malaysia.
8. Penentuan CIMB sama ada sesuatu transaksi memenuhi syarat sebagai Transaksi yang Layak untuk tujuan Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif serta tidak boleh dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

**Hadiah**

9. Hadiah untuk Pelanggan yang Layak yang menang ("**Pemenang**") di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:
- a. **10,000x Hadiah Istimewa:** Pemenang akan menerima Pin Tambah Nilai Touch 'n Go bernilai Sepuluh Ringgit (RM10) setiap satu; atau
  - b. **5x Hadiah Utama:** Pemenang akan menerima Pin Tambah Nilai Touch 'n Go bernilai Satu Ribu Ringgit (RM1,000) setiap satu.

10. Bilangan maksimum hadiah yang boleh dimenangi oleh setiap Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen ialah satu (1) daripada kategori Hadiah Istimewa dan satu (1) daripada kategori Hadiah Utama.
11. Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan hadiah melainkan dinyatakan sebaliknya. CIMB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, kos sampingan, dan/atau caj yang berkaitan dengan hadiah.
12. Hadiah-hadiah yang dinyatakan dalam Klausa 9 di atas tidak boleh dipindah milik kepada orang lain dan tidak boleh diminta untuk ditukar dengan wang tunai atau kredit dalam apa jua bentuk.

#### **Penunaian Hadiah**

13. Proses pemilihan Pemenang akan berdasarkan kepada Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak di mana Transaksi yang Layak dijalankan.
14. Pada penghujung Tempoh Kempen, Pemenang akan dipilih berdasarkan Akaun Penyertaan di mana Transaksi yang Layak dijalankan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6 di atas yang telah memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
15. Setelah dipilih, penghantaran hadiah di bawah kedua-dua kategori akan dijalankan untuk tujuan penunaian hadiah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 16, dan 17 di bawah ("**Bakal Pemenang Hadiah**").
16. **Hadiah Istimewa – Pin Tambah Nilai Touch 'n Go bernilai RM10 untuk 10,000 pemenang**
  - a. Sepuluh ribu (10,000) Pelanggan yang Layak pertama yang melabur sekurang-kurangnya RM200 dalam ASB atau ASB 2 semasa Tempoh Kempen dalam satu transaksi, atau berbilang transaksi melalui MyWealth dalam CIMB Clicks (versi web) atau aplikasi mudah alih CIMB OCTO semasa Tempoh Kempen akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Istimewa**". Pemenang Hadiah Istimewa akan menerima SMS daripada CIMB di nombor telefon bimbitnya seperti yang disimpan dalam rekod CIMB untuk mengesahkan pemilihan mereka sebagai Pemenang Hadiah Istimewa dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
  - b. Pin Tambah Nilai Touch n Go akan dihantar melalui e-mel kepada Pemenang Hadiah Istimewa melalui alamat e-mel berdaftar mereka dengan CIMB dalam tempoh sembilan (9) minggu selepas menerima SMS pemberitahuan pemenang. Sekiranya pemenang yang dipilih tidak mempunyai alamat e-mel berdaftar dengan CIMB atau alamat e-mel tidak lagi sah, bank akan mengenal pasti pemenang lain yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 6 di bawah kategori Hadiah Istimewa.
  - c. Sekiranya jumlah Pemenang Hadiah Istimewa tidak mencukupi di mana kurang daripada 10,000 Pemenang Hadiah Istimewa dikenalpasti atas sebab apa sekalipun, CIMB berhak untuk menarik semula baki hadiah yang tinggal untuk kategori ini.

**17. Hadiah Utama - Pin Tambah Nilai Touch 'n Go bernilai RM1,000 untuk 5 pemenang**

- a. Semua Pelanggan yang Layak yang telah melakukan Transaksi yang Layak di bawah kategori Hadiah Utama akan disenarai pendek pada akhir Tempoh Kempen (**Bakal Pemenang Hadiah Utama**).
  - b. Menggunakan sistem Cabutan Rawak CIMB, kumpulan yang disenarai pendek bagi **Bakal Pemenang Hadiah Utama** kemudiannya akan dipilih dan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Utama**". Pemenang Hadiah Utama akan menerima SMS daripada CIMB untuk mengesahkan pemilihan mereka sebagai Pemenang Hadiah Utama dan akan dihubungi oleh CIMB menerusi SMS di nombor telefon bimbitnya seperti yang disimpan dalam rekod CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
  - c. Pin Tambah Nilai Touch n Go akan dihantar melalui e-mel kepada Pemenang Hadiah Utama melalui alamat e-mel mereka yang berdaftar dengan CIMB dalam tempoh sembilan (9) minggu selepas menerima SMS pemberitahuan pemenang. Sekiranya pemenang yang dipilih tidak mempunyai alamat e-mel berdaftar dengan CIMB atau alamat e-mel tidak lagi sah, bank akan mengenal pasti pemenang lain yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 6 di bawah kategori Hadiah Utama.
  - d. Sekiranya jumlah Pemenang Hadiah Utama tidak mencukupi di mana kurang daripada 5 Pemenang Hadiah Utama dikenalpasti atas sebab apa sekalipun, CIMB berhak untuk menarik semula baki hadiah yang tinggal untuk kategori ini
18. CIMB berhak untuk menggantikan hadiah dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicaranya yang munasabah tanpa memberitahu pemenang terlebih dahulu sebelum penunaian hadiah.
19. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab memastikan bahawa alamat rumah, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atasnya dibuat oleh Pelanggan yang Layak. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang berpunca daripadanya) yang dialami sekiranya alamat rumah, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel Pelanggan yang Layak dalam rekod CIMB bukan yang semasa, tidak dikemas kini atau sebarang isu lain yang timbul daripada kegagalan Pelanggan yang Layak untuk menerima komunikasi daripada CIMB.

**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

20. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- a. dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - c. mengesahkan bahawa terma-terma kontrak yang penting berkenaan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;

- d. membenarkan CIMB memproses dan mendedahkan data peribadi mereka dan juga apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Pelanggan yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh CIMB secara munasabah berkenaan setiap aspek Program ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
  - f. bersetuju bahawa CIMB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan/Peserta yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada obligasinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
    - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
    - ii. kegagalan elektrik;
    - iii. pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
    - iv. sebarang bencana alam ('act of God') di luar kawalan CIMB dan ASNB; atau
    - v. apa-apa faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB dan ASNB.
21. Pelanggan yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau hadiah kempen akan ditarik balik sekiranya, dalam Tempoh Program dan/atau sebelum penyerahan hadiah kempen tersebut:
- a. Pelanggan yang Layak memungkirkan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal selia Akaun Penyertaan;
  - b. Akaun Penyertaan ditamatkan atau ditutup atau menjadi tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang; atau
  - c. Akaun Penyertaan adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB.
22. CIMB berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati:
- a. mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
  - b. bertindak memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
23. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberi notis awalan empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/atau
  - iii. notis di kaunter Tukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - iv. sebarang bentuk notifikasi lain mengikut pilihan CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan/Peserta yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung berikutan pembatalan, penangguhan, pemendekan atau lanjutan Kempen.

24. CIMB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak terhadap sebarang kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, gantirugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berpunca daripada:
- penyertaan atau tanpa penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini; dan/atau
  - Pelanggan yang Layak tidak menerima atau lewat menerima SMS atau eDM.
- melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
25. a. CIMB berhak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberi notis awalan dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/atau
  - notis di kaunter Tukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - pengiklanan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
  - sebarang bentuk notifikasi lain mengikut pilihan CIMB.
- b. Pindaan tersebut hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi tersebut.
- c. Jika perubahan dikehendaki oleh undang-undang atau sebarang peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan yang Layak tentang perubahan ini secepat mungkin.
- d. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dengan sebarang perubahan pada Terma dan Syarat ini
26. CIMB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.
27. Pelanggan yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB dan ASNB ditanggung rugi terhadap mana-mana yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB dan ASNB yang disebabkan oleh:
- penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
  - penerimaan, penebusan atau penggunaan hadiah oleh Pelanggan yang Layak; dan/atau
  - kemungkinan atau kegagalan Pelanggan yang Layak mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
28. Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini:
- adalah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan

- b. hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat sedia ada berhubung Akaun Penyertaan yang mana ianya hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
29. Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan oleh Bank Negara Malaysia dan lain-lain badan kawal selia yang berkaitan di mana CIMB adalah tertakluk kepadanya.
30. Jika CIMB tidak melaksanakan haknya seperti yang diperuntukkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, ianya tidak akan menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau apa-apa hak lain yang CIMB ada di masa hadapan.
31. a. Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini menerusi surat, panggilan telefon dan e-mel:
- Alamat:** Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
**No. Telefon:** +603 6204 7788  
**E-mel:** [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
- b. CIMB boleh menukar butir hubungan di atas dengan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara notifikasi yang dipilih oleh CIMB.
32. a. Pemenang hendaklah memastikan bahawa nombor telefon bimbit dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka ("**Butiran Perhubungan**") adalah yang semasa dan dikemas kini dengan CIMB.
- b. CIMB berhak untuk membatalkan hadiah jika Butiran Perhubungan Pemenang yang disimpan dalam rekod CIMB tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
- c. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang timbul daripadanya) dan kerosakan yang dialami atau ditanggung jika Butiran Perhubungan Pemenang yang disimpan dalam rekod CIMB tidak terkini atau betul.
33. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut hasil daripada penerimaan hadiah:
- (i) apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
- (ii) untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi terhadap keadaan kewangannya sendiri.
34. CIMB berhak untuk membatalkan hadiah dan memilih Pemenang lain jika Pemenang gagal menghadiri majlis penyampaian hadiah (jika ada) dan/atau mengambil bahagian dalam acara-acara lain yang berkaitan yang dikehendaki oleh CIMB, jika ada.

35. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang memberi kuasa kepada CIMB untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, foto dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam cara yang dianggap sesuai ("**Hak Penerbitan**").
36. Jika Pemenang membantah Hak Penerbitan CIMB selepas menyertai Kempen, CIMB berhak untuk membatalkan hadiah dan memilih Pemenang lain.
37. Pelanggan yang Layak hendaklah mengemukakan sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan penggunaan dan/atau pembelian dan/atau langganan Akaun Penyertaan kepada ASNB untuk diselesaikan.

-Tamat-